

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Tuesday, February 28, 2017 11:00 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TERUJA UNTUK MEMULAKAN PENGAJIAN DI UUM



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

28 FEBRUARI 2017 / 01 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

TERUJA UNTUK MEMULAKAN PENGAJIAN DI UUM



PPA UUM CAS ONLINE: “Menuntut ilmu biarlah sampai ke negara China”, pepatah Melayu yang tidak pernah lapuk dek zaman. Namun begitu, kini pelajar dari negara China pula yang datang menuntut ilmu di negara kita. Ini menunjukkan bahawa pendidikan di Malaysia amnya dan UUM khasnya telah dapat menarik minat negara yang mempunyai penduduk terbanyak di dunia setakat ini. Bilangan pelajar dari China yang memilih untuk menjalani program mobiliti selama satu semester di UUM CAS semakin meningkat pada setiap semester. Pada semester Kedua sesi 2016/2017 ini, UUM CAS telah menerima seramai 22 pelajar

berbanding enam (6) pelajar sahaja pada semester lepas. Pusat Pengajian yang terlibat pada semester ini adalah Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC), Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) dan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML).

Pada 26 Februari 2017 jam 2.30 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Utama SOC, satu taklimat khas telah diberikan kepada pelajar-pelajar tersebut di mana Dr. Rahayu Ahmad, selaku Penyelaras Praktikum (Mobiliti) Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA), UUM CAS memulakan sesi pengenalan pelajar kepada UUM CAS serta peranan pejabat PPA UUM CAS sendiri. Seterusnya pelajar dipecahkan mengikut Pusat Pengajian dan telah diberikan penerangan berkaitan program dan subjek-subjek yang dipilih oleh wakil daripada setiap Pusat Pengajian.

Antara wakil-wakil daripada Pusat Pengajian yang hadir ialah Prof. Madya Dr. Engku Muhamad Nazri bin Engku Abu Bakar (SQS), Dr. Nor Aishah Ahad (SQS), Puan Noraziah Man (SQS), Dr. Mohd. Khairudin Kasiran (SOC), Dr. Hazaruddin Harun (SOC), Dr. Zahurin Mat Aji (SOC), Dr. Azizah binti Che Omar (SMMTC) dan En. Mohammad Shah bin Kamarulzaman (SEML).

Pelajar-pelajar daripada Xi'an University of Science and Technology, Tongren University, Anhui Xinhua University, Guangxi University of Foreign Languages, Xi'an Eurasia University, Sichuan University of Arts and Science, Yichun University, Guizhou Minzu University dan Xi'an International University ini telah dihantar semula ke CIAC dengan bas UUM setelah menikmati sedikit jamuan ringan.

Sekian.

=====

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Emel:cas-sadc@uum.edu.my
Website:http://ppacas.uum.edu.my



Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.